

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30/08/2017

PM puas hati raptai Hari Kebangsaan

BH- 30/8/2017 pg. 2

➔ Latihan persembahan 18,000 peserta tunjuk negara sedia sambut ulang tahun merdeka

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan 2017 yang dipersembahkan hampir 18,000 peserta di Dataran Merdeka di sini, semalam.

Raptai ketiga bermula jam 7 pagi hingga 11 pagi itu berlangsung dengan jaya, tertumpu kepada gabungan persembahan padang dan perbarisan peserta daripada kalangan pelajar sekitar Lembah Klang, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara serta pasukan keselamatan.

Perdana Menteri berkata, latihan persembahan dipamerkan semua peserta, menunjukkan negara bersedia menyambut Hari Ke-

bangsaan yang bakal berlangsung esok dengan meriah.

"Saya berpuas hati dengan persembahan hari ini (semalam) dan saya lihat ia akan menyampaikan mesej kepada semua mengenai pencapaian negara sempena sambutan 60 tahun ini.

"Mudah-mudahan Hari Kebangsaan nanti kita akan tunjukkan satu persembahan yang tidak dilupakan rakyat Malaysia," katanya berucap pada raptai penuh itu yang turut dihadiri Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak.

Laung 'Merdeka' tujuh kali

Najib yang mengambil bahagian dalam raptai berkenaan termasuk melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali, turut mengajak rakyat menghargai jasa pemimpin dan pejuang kemerdekaan pada 1957.

"Betapa besarnya cabaran terpaksa dihadapi kita selama 60 tahun. Bila lihat (raptai) sambutan, kita dapat rasakan apa yang kita capai adalah kejayaan yang cemerlang.

"Kejayaan ini seharusnya disematkan dalam hati dan jiwa kita sebagai generasi penyambung dan diturunkan kepada generasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk diteruskan pada masa depan," katanya.

Sambutan bakal dimeriahkan dengan kehadiran bekas Leftenan Komander Tentera Laut Diraja Malaysia, Mohd Sarif Kalam dan Pegawai Waran 1 (B), Oliver Culvelt, yang menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka 60 tahun lalu.

Mereka akan diberi penghormatan sekali lagi untuk menaikkan Jalur Gemilang esok sebagai simbolik mengimbuai detik kemerdekaan.

kaan negara.

500,000 dijangka hadir

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, berkata lebih 500,000 pengunjung dijangka membanjiri Dataran Merdeka bagi meraikan sambutan berkenaan, esok.

Tinjauan mendapati, landskap Dataran Merdeka diubah suai menjadi seolah-olah Stadium Merdeka dengan setiap susun atur kedudukan juga sama, termasuk skrin gergasi sepanjang 200 meter.

Ia bagi mengembalikan nostalgia sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tarikh keramat Tanah Melayu menjadi negara berdaulat bebas daripada pentadbiran British.

➔ Lagi berita M5.17